

Tarikh : 13 Februari 2024

No. Rujukan : EY18070001

Kepada : Pihak Berkepentingan

Tuan/Puan,

UNDANGAN UNTUK MEMBERI KOMEN TERHADAP AUDIT PENSIJILAN MSPO KE ATAS YENG BOON TJONG SDN BHD

Yeng Boon Tjong Sdn Bhd telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk menjalankan audit pensijilan terhadap "Malaysian Sustainable Palm Oil" (MSPO), MS 2530:2013 di unit pengurusannya.

MSPO MS 2530:2013 adalah standard kebangsaan yang membolehkan peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit untuk meningkatkan aspek kelestarian dalam pengeluaran minyak sawit. Dengan pensijilan MSPO ini, peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit dapat membuat kenyataan umum mengenai produk mereka yang dikeluarkan secara lestari.

Berikut adalah merupakan aspek-aspek kelestarian yang dibincangkan dalam Standard MS 2530:2013 Malaysia:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketulusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian terbaik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Lanjutan daripada ini, adalah dimaklumkan audit MSPO akan dijalankan seperti berikut:

1. Nama unit pengurusan	: Yeng Boon Tjong Sdn Bhd
2. Tarikh mula audit	: 14 Mac 2024
3. Tarikh akhir audit	: 15 Mac 2024
4. Lokasi audit	: Mangkubau Estate, CL 235311494, CL 235313336, Kg Mangkubau, 86100
5. Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit	: Pitas, Sabah.
6. Standard yang digunakan	: 1,229.63 Ha
7. Ahli pasukan audit dan bidang kepakaran	MS 2530-3:2013 : Standard ini boleh dibeli melalui http://www.msonline.gov.my/catalog.php 1) Chen Sieng Yin 2) Rozaimee Ab Rahman

Berhubung dengan perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan untuk memberikan maklumbalas kepada kami (sekiranya ada) mengenai isu-isu di atas dengan mengembalikan borang jawapan yang dilampirkan **sebelum 13 Mac 2024**. Jika perlu, pasukan audit akan mengaturnya mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sebagai sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber yang diterima adalah dengan persetujuan dari pihak tuan.

Jika pihak tuan mempunyai sebarang aduan mengenai audit atau rayuan atau pertikaian terhadap keputusan pasukan audit kami, pihak kami mempunyai proses dan prosedur aduan yang boleh didapati di laman web kami <http://www.sirim-qas.com.my>.

Sekian terima kasih.

Yang benar,


Kamini AP Sooriamoorthy
Ketua

Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.



ACB ABMS 01
ACB EnMS 01
ACB FMC 02
ACB GMP 04
ACB HACCP 03
ACB MSPO 05
ACB PS 03
MIBAS 003



ACB EMS 02
ACB FSMS 01
ACB ISMS 01
ACB MDQMS 04
ACB OSHMS 01
ACB PC 01
ACB QMS 01



SAMM 085
SAMM 086
SAMM 087
SAMM 240
SAMM 377
SAMM 734
SAMM 735



0074



BORANG MAKLUM BALAS

Untuk Perhatian:

Cik Kamini A/P Sooriamoorthy

Ketua Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan

SIRIM QAS International Sdn Bhd

No. 1, Persiaran Dato' Menteri

Section 2, 40700 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan.

No. Tel: 03-5544 6119 | No. Fax: 03-5544 6763 | E-mel: kamini@sirim.my / syazwani@sirim.my

MAKLUM BALAS MENGENAI AUDIT MSPO Di : Yeng Boon Tjong Sdn Bhd

Saya merujuk kepada surat bertarikh untuk audit MSPO di kawasan seperti di atas. Saya ingin mengesahkan bahawa:

Saya tidak mempunyai isu untuk dibangkitkan terhadap audit yang akan dijalankan.

Saya mempunyai isu-isu berikut terhadap audit yang akan dijalankan

Isu berkaitan pematuhan undang-undang Sila huraikan : _____

Isu berkaitan aspek sosial Sila huraikan : _____

Isu berkaitan alam sekitar Sila huraikan : _____

Isu berkaitan kesihatan dan keselamatan Sila huraikan : _____

Lain-lain Sila huraikan : _____

Saya ingin membuat perbincangan antara pasukan audit SIRIM dengan pihak berikut untuk lebih lanjut:

Nama : _____

Jawatan : _____

No. telefon : _____

Alamat e-mel : _____

Terima kasih

Yang ikhlas,

.....
Nama :
Alamat :
No. Tel. :